



Dari Meja TNC (HEP)



Y. Bhg. Dato' Profesor Dr. Hashim Yaacob

'AUKU' DAN ANAKANDA

Seorang mahasiswa pernah meluahkan perasaan marahnya kepada AUKU kerana menyekat kebebasannya.

Apabila ayahanda bertanya kepadanya bahagian mana yang membangkitkan kemarahannya, mahasiswa itu tidak tahu. Apabila ayahanda bertanya apakah beliau pernah membaca AUKU, beliau mengaku tidak pernah membacanya. Apakah ini tindakan yang waras?

Anakanda tidak perlu takut pada harimau kerana anakanda tinggal di kota, dan tidak di hutan belantara. Begitulah anakanda tidak perlu takut pada AUKU, kalau anakanda tidak berhasrat untuk melakukan sesuatu di luar batasan kewajipan seorang mahasiswa

HEP

Tegap Berdiri

Lalang yang menjadi
di belakang rumahku,
sering menari gemalai
ke arah mana saja
mengikut rentak hembusan angin.

Lalang yang menari itu
zahirnya tumbuh semarak
subur dan segar berbunga pula.

Tidak seperti pokok yang sebatang
di tepi rumahku,
sentiasa tegap berdiri
walau ditiup angin kencang.

Dalam hujan taufan semalam
kulihat lalang tunduk mencium bumi.
Tidak seperti pokok yang sebatang
teguh terpacak megah
walau bergetar batang tubuh
walau serpih ranting kecilnya.

Pada esoknya
sesudah reda ribut taufan,
Kulihat lalang berdiri lagi
melambai girang di angin pagi.

Kulihat pokok yang sebatang
masih teguh berdiri ia,
di kakinya bersepah serpihan ranting.

••• Hashim Yaacob

Mahasiswa: Anak Muda Kita

oleh: Mohd Fakhrurazi Ibrahim

Manusia hidup dalam lingkungan budaya yang tersendiri untuk membina tamadun dan peradaban mereka. Proses pembinaan tamadun dan peradaban ini walaupun bermula sejak dari zaman Nabi Allah Adam a.s. lagi. Perkembangan tamadun sejak zaman berzaman adalah berasaskan kepada kemajuan

dan pengalaman manusia berteraskan ilmu pengetahuan.

Dewasa ini, masyarakat dunia telah membentuk lingkungan peradaban mereka dengan cara yang tersendiri. Semua pihak bertanggungjawab menyumbang ke arah pembinaan tamadun bangsa dan negara mereka. Di

Malaysia, pembangunan yang berlaku sejak merdeka pada tahun 1957 adalah aliran ketamadunan yang positif dan membina. Proses pembangunan yang berlaku telah membentuk watak dan dimensi kehidupan masyarakat negara ini dengan caranya yang tersendiri.

Meneliti sumbangan pelbagai pihak, maka golongan muda atau belia

bersambung di muka surat 2

merupakan golongan terbesar penduduk negara. Belia mengikut takrifan yang dibuat oleh UNESCO dan diterima pakai ialah "mereka yang berada dalam lingkungan usia antara 15 hingga 40 tahun". Malaysia turut menerima pakai takrifan ini. Di samping itu, pelbagai takrifan telah diberikan oleh banyak pihak untuk istilah 'belia'. Namun secara rasionalnya saya simpulkan sebagai "orang-orang muda yang masih belajar dari kehidupan dan diakui oleh umum sebagai tidak melewati pertengahan dewasa". Untuk itu, mahasiswa merupakan kalangan yang termasuk dalam kelompok belia. Mereka adalah anak-anak muda kita.

Menyingkap pentakrifan di atas, maka mahasiswa dilihat berperanan sebagai satu kumpulan anak muda yang boleh menyumbang dalam aspek pembangunan ilmu dan intelektual. Ini kerana mereka sedang bermukim di gedung ilmu dan berada di samping sarjana ilmu yang tersohor. Mereka belajar pelbagai perkara secara formal mahupun tidak. Jesteru itu, mahasiswa adalah amat signifikan dalam membentuk peradaban negara, di mana mereka juga adalah pewaris kepimpinan masa hadapan.

Kita sering mendengar bahawa anak muda kini secara umumnya sedang berhadapan dengan krisis identiti yang parah dan menakutkan. Namun terdapat kalangan anak muda khususnya mahasiswa yang menafikan gambaran tersebut dan meletakkan keyakinan bahawa anak muda kini mampu bangun dan dibangunkan sebagai pemimpin berwibawa. Biar apapun pandangan, kita tidak boleh menafikan bahawa terdapat sebilangan anak muda telah benar-benar menghadapi krisis identiti, menjadi manusia dua kerat, Inggeris celup dan penderita penyakit rendah diri yang amat parah. Mereka tidak percaya kepada diri sendiri dan hilang keyakinan terhadap tamadun dan peradaban sendiri. Mereka mudah terpengaruh dengan nilai-nilai luar biarpun disedari mampu memusnahkan diri sendiri. Ungkapan krisis bukan lagi bersifat dilema atau

masalah normal umat, sebaliknya ia lebih parah daripada itu dan memerlukan tindakan segera sebelum garis penamat proses penyelesaian tidak terancang menguasai keadaan.

Menyentuh persoalan krisis, YAB Dato' Abdul Ghani Othman, Menteri Besar Johor, ketika menjawat jawatan Menteri Belia dan Sukan pernah berkata: "*Krisis generasi muda kini semakin mencengkam, meluas dan kronik. Lantaran itu, usaha memulih dan meningkatkan kualiti generasi muda dan belia perlu bersifat komprehensif, meluas dan tersusun. Semua pihak dari segenap sektor perlu turut berganding bahu meninggikan kembali martabat belia.*" Satu cetusan yang telah diungkap lewat waktu yang lampau namun krisis generasi muda sehingga kita masih terus berlaku. Apakah mahasiswa kita turut tersenarai di kalangan kelompok ini?

Kita sedang menyaksikan pertumbuhan pesat sejenis budaya dan gaya hidup *synthetic* (tiruan) dalam pelbagai bidang kehidupan - muzik, filem, fesyen dan lain-lain. Kecenderungan untuk memakai label-label dan jenama-jenama keinggerisan begitu kuat sekali. Ini dapat disaksikan melalui nama-nama panggilan kalangan anak muda kini yang kemungkinan dimanifestasikan daripada kumpulan muzik rock, nama-nama glamour para artis, nama-nama bangunan dan sebagainya. Situasi ini kian meruncing apabila kerajaan telah mengenalpasti kumpulan muzik, yang merosakkan akhidah dan akhlak masyarakat muda kini. Kumpulan 'Black Metal' sebagai contoh telah berjaya menyerap ke dalam hidup sebilangan anak muda kita. Ramai anak muda kita terlibat dan kita harus akur bahawa pasti terdapat juga sebilangan kecil mahasiswa yang turut terpengaruh dengan kumpulan ini. Jika tidak dari segi amalannya, sekurang-kurangnya dengan muziknya.

Keluh kesah terhadap masalah anak muda tidak pernah ada penamatnya. Ancaman-ancaman yang mendatang yang cuba mempengaruhi peradaban anak bangsa terus berlaku. Sejak sebelum merdeka hingga sekarang, pelbagai pihak cuba mengungkapkan keresahan masa depan anak

muda dengan pelbagai cara. Antaranya adalah puisi yang ditulis oleh Roha bertajuk "Ke mana ...? di dalam majalah Majlis, 8 Julai 1940 seperti berikut:

Ke mana oh ... bangsaku
berjalan segak ... menyeluk saku
ke hulu ke hilir ... membuat laku
tetapi harap sesen tak laku.

Sebab apa maka begitu ...?
kerja tak pandai berakal batu
berpanas berembun menjadi kutu
di sisi masyarakat menjadi hantu.

Pemalas ... sekali lagi pemalas!!!
kerja sedikit selalu culas
pergi ke pulau ... batu digalas
berpenat lelah ... tidak berbalas.

Mengapa ... oh ... mengapa?
lupakah ... lupa?
Hidup kamu sebagai tak berbapa
rabalah carilah kemajuan hingga
berjumpa.

Untuk maju, setiap anak muda perlu mempunyai minat yang membina dan berfaedah. Motif kehidupan golongan ini juga perlu jelas dan terancang demi membangunkan diri dan martabat bangsa. Mahasiswa sebagai kelompok yang dipandang tinggi perlu menjadi contoh teladan kepada anak-anak muda lain agar nilai positif terus mekar dan subur. Dalam situasi ini, mahasiswa perlu sentiasa menyoal diri tentang kemampuan diri untuk menjadi contoh dan teladan yang baik kepada orang lain. Apakah tindakan dan perlakuan serta disiplin diri sentiasa terjaga dan sempurna? Apakah mahasiswa kini mempunyai tradisi keilmuan yang tinggi untuk berbicara dalam masyarakat? Apakah tindakan yang dilakukan oleh mahasiswa kini berdasarkan timbang tara dan rasional yang baik? Dan berbagai persoalan lagi boleh ditanyakan kepada mahasiswa. Namun apa yang penting ialah mahasiswa itu sendiri bertanya diri mereka dan mampu memberi jawapan berdasarkan ilmu dan bukannya emosi. Mereka perlu memanfaatkan keupayaan diri dan persekitaran ilmu yang ada untuk membentuk satu acuan yang boleh difahami dengan jelas oleh semua anak muda.

MAHASISWA PERLU TAHU

• Perlanjutan Pinjaman PTPTN •

Untuk makluman anda, syarat yang telah ditetapkan oleh PTPTN untuk dipertimbangkan bagi perlanjutan pinjaman adalah seperti berikut:

1. Masih menuntut di universiti dan mengikuti program yang sama semasa tawaran Pinjaman Pendidikan PTPTN diluluskan dan ditandatangani.
2. Isi borang perlanjutan dengan selengkapnya. Bagi borang yang tidak lengkap, PTPTN berhak untuk menolak permohonan tersebut.
3. Perlu mengambil jam kredit tambahan di atas kehendak Fakulti/Kursus.
4. Pernah bercuti/menangguhkan pengajian atas alasan kesihatan.
5. Tempoh pinjaman yang ditawarkan kurang dari tempoh pengajian
– setelah mengambilkira semester yang ditawarkan. (Tidak termasuk semester yang terdahulu/*back-dated*)

Borang permohonan boleh diambil di Bahagian Hal Ehwal Pelajar (HEP), Universiti Malaya. Sila berhubung dengan **Puan Aziah Saad, Penolong Pendaftar, Unit Basiswa dan Pinjaman, Bahagian Hal Ehwal Pelajar, Universiti Malaya.**



Wise Words

It is only because of problems that we grow mentally and spiritually. It is through the pain of confronting and resolving problems that we learn.

📖 M. Scott Peck

Sumbangan:
Puan Rohani Ramly

BAHASA KITA BAHASA DUNIA

Kata Sendi nama "**Daripada**"

Kata sendi nama "**daripada**" hadir di hadapan kata nama atau frasa nama yang menyatakan punca bagi manusia atau institusi, haiwan, benda, dan unsur abstrak, sumber atau asal kejadian sesuatu benda, sebahagian daripada semua dan perbezaan atau perbandingan.

c. Menunjukkan sebahagian daripada semua

1. Enam orang **daripada** mereka mati disambar petir.
2. Kebanyakan **daripada** rumah di kampung itu musnah dipukul ribut.
3. Seorang **daripadanya** bertubuh tinggi dan tegap.
4. Sebahagian **daripada** pelajar sudah pulang ke rumah masing-masing.
5. Sebilangan besar **daripada** pekerja tidak bersetuju dengan peraturan baru syarikat.

d. Menunjukkan perbezaan atau perbandingan

1. Azim lebih tinggi **daripada** Mamat.
2. Perangainya lain **daripada** yang lain.
3. Kami tiba lewat **daripada** mereka.
4. Membaca buku ilmiah lebih baik **daripada** membaca majalah hiburan.
5. Pendapat yang dikemukakannya jauh lebih matang **daripada** usianya yang sebenarnya.
6. Dia lebih pendiam **daripada** kekasihnya.

Sumber: Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP)
oleh: Abdul Razak Halifa

Kenali Warga HEP

Beliau dilahirkan pada 4 November 1958 di Kuala Lumpur. Mendapat pendidikan awal di tempat kelahiran sehingga ke tingkatan lima, seterusnya melanjutkan pelajaran ke Institut Teknologi Mara (ITM) Shah Alam dan meneruskan pengajian di peringkat Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Matematik di Southern Illinois University, Amerika Syarikat.

Beliau turut memiliki Diploma Human Resource Management dari Universiti Malaya dan kini di peringkat menyiapkan disertasi bagi program Sarjana Pengurusan Sektor Awam di Universiti Malaya.

Beliau telah mendirikan rumahtangga dan kini mempunyai seorang anak. Di Bahagian Hal Ehwal Pelajar (HEP) beliau menguruskan Unit Biasiswa/Pinjaman, Tuntutan Insuran Pelajar, dan Unit Latihan Industri Pelajar (ULIP).

Prinsip hidup beliau ialah "Masa Itu Emas" bersesuaian dengan ungkapan "beramallah seolah-olah anda akan mati esok hari dan bekerjalah seolah-olah anda akan hidup selamanya".



Aziah Saad

Pemimpin Persatuan Pelajar

Presiden

Kolej Kediaman Pantai Puri

Saudara **Nik Shahrizal Azhan Ismail** merupakan anak kelahiran Kuala Krai, Kelantan. Beliau kini mengikuti Kursus Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Islam (Akademi Pengajian Islam). Sebelum beliau dipilih sebagai **Presiden** Kolej Kediaman, Pantai Puri, beliau pernah terlibat sebagai pengarah beberapa program seperti Program Bisikan Takwa, Hari Keluarga Kolej, dan Program Amal Anak Yatim.

Maklumat Kolej: Kolej Kediaman Pantai Puri merupakan bangunan yang dipinjamkan oleh pihak Kementerian Pendidikan kepada Universiti Malaya untuk dijadikan kolej kediaman pelajar. Kolej ini dijangka akan dipulung kepada kementerian setelah kolej kediaman baru yang sedang dalam proses pembinaan disiapkan.

Kini Kolej Kediaman Pantai Puri yang terletak berhampiran Stadium Hoki Kuala Lumpur berada di luar kampus mempunyai pelajar sejumlah 414 orang yang terdiri daripada 106 orang pelajar lelaki dan 308 orang pelajar wanita.



Nik Shahrizal
Azhan Ismail

Dairi HEP

04 - 12 Ogos 2001

❖ Ekspo Konvokesyen Universiti Malaya (EKSKUM) 2001, anjuran Majlis Perwakilan Mahasiswa Universiti Malaya (MPMUM) dengan kerjasama Bahagian Hal Ehwal Pelajar (HEP) bertempat di sekitar Kompleks Perdanasiswa, Universiti Malaya.

11 - 18 Ogos 2001

❖ JKPKK, Kolej Kediaman Ibnu Sina akan menganjurkan **Program Baktasiswa** bertempat di Kampung Salak Baru, Trong, Perak dan akan melibatkan seramai 50 orang mahasiswa Fakulti Perubatan dan Pergigian UM.

Makluman

Sebarang penulisan membina dan iklan-iklan yang ingin dimuatkan di dalam Bicara HEP boleh dikemukakan kepada:

Bahagian Hal Ehwal Pelajar
Blok E, Kompleks Perdanasiswa
Universiti Malaya.

Untuk perhatian:
Encik Mohd Fakhrurazi atau
Encik Abdul Razak Halifa

Tel: 79673563 Faks: 79568611

• • Redaksi • •

Penasihat

Y. Bhg. Dato' Prof. Dr. Hashim Yaacob
Timbalan Naib Canselor (HEP)

Pengerak/Jawatankuasa

Puan Rohani Ramly
Encik Mohd Fakhrurazi Ibrahim
Encik Abdul Razak Halifa
Encik Azim Aziz
Encik Mohd Na'aim Muhd Noh